



Meniti Arus

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

Prestasi P M tidak pernah terjejas

Kabinet sentiasa sokong perjuangan Pak Lah perangi rasuah, pupuk integriti

APAKAH benar erdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kini keseorangan dalam usahanya memerangi rasuah dan memperkenalkan ketelusan dalam kerajaan?

Soalan ini sering ditimbulkan akhir-akhir ini oleh pelbagai pihak, termasuk ahli politik sendiri. Malah seorang penulis, Simon Elegant, dalam rencananya bertajuk *A Husband's Grief* yang disiarkan dalam majalah *Time* keluaran 30 Oktober lalu tidak segan-segan mengaitkan kesinambungan kepemimpinan Pak Lah dengan pemergian isteri beliau, Datin Seri Endon Mahmood, pertengahan bulan lalu.

Majalah itu mendakwa usaha pembaharuan yang dilancarkan Perdana Menteri sebaik saja mengambil alih kepemimpinan negara dua tahun lalu, mulai pudar kerana tidak mendapat sokongan.

Kematian Endon didakwa menyulitkan lagi Pak Lah kerana mereka pasangan yang cukup rapat dan terlalu bergantung antara satu sama lain.

Di dalam negara, Ketua Pembangkang Lim Kit Siang, secara terang-terangan turut mendakwa Pak Lah keseorangan dan terasing dalam komitmennya untuk memerangi rasuah dan memupuk integriti nasional.

Beliau menuduh menteri Kabinet lain membisu dan gagal memberikan sokongan umum yang bermakna terhadap kempen memerangi rasuah sejak dua tahun lalu. Dakwaan Lim ini terkandung dalam e-mel yang beliau kirim kepada menteri baru-baru ini.

Salinan e-mel itu yang juga dipamerkan dalam laman web DAP antara lain menggesa semua menteri supaya mengembalikan apa yang beliau dakwa sebagai 'keyakinan umum terhadap komitmen menteri terhadap ikrar Perdana Menteri untuk mewujudkan kerajaan yang terbuka, *accountable*, telus, antirasuah dan mesra rakyat, terutama dalam pembentukan satu budaya politik yang *zero-tolerance* ter-

hadap rasuah.'

Semua dakwaan itu yang jelas memesongkan, jika tidak dibetulkan boleh mempengaruhi orang ramai hingga menjejaskan imej kepemimpinan negara dan keyakinan awam di dalam dan luar negara.

Lebih jauh daripada itu, ia boleh menimbulkan 'krisis keyakinan' dan mengugut kestabilan politik negara.

Malangnya, orang yang terbabit dengan penyebaran spekulasi tidak sihat ini seolah-olah tidak sedar mengenai bahaya permainan mereka walaupun sudah banyak kali dijelaskan, termasuk dalam ruangan ini bahawa pelbagai cerita negatif yang disebarkan mengenai kerajaan setakat ini tidak lebih daripada 'persepsi' yang langsung tidak bersandarkan kepada bukti atau fakta konkrit.

Orang yang kenal dan rapat dengan Pak Lah tahu prestasi beliau tidak pernah terjejas akibat kehilangan orang tersayang dalam hidupnya.

Pegawai di pejabat beliau mengakui bahawa Pak Lah enggan mengambil cuti untuk menenangkan fikiran walaupun untuk sehari dua selepas kematian isteri beliau, sebaliknya beliau terus sibuk dengan komitmen tugasnya pada peringkat antarabangsa dan dalam negara.

Perdana Menteri yang baru saja pulang

FAKTA NOMBOR

497

Tangkapan berkaitan kesalahan rasuah pada 2004

339

Tangkapan berkaitan kesalahan rasuah pada 2003

dari Lesotho kerana menghadiri Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) berlepas ke Busan, Korea Selatan kelmarin untuk mewakili Malaysia di Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec).

Beliau mengadakan pertemuan empat mata dengan Presiden Amerika Syarikat, George Bush semalam. Selepas itu, Pak Lah akan ke Malta untuk menghadiri Persidangan Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM).

Bulan depan, beliau akan mempengerusikan dua persidangan penting di Kuala Lumpur apabila Malaysia menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak Asean dan Sidang Kemuncak Asia Timur. Beliau juga akan memimpin mesyuarat dengan rakan dialog Asean.

Menurut pemerhatian seorang wartawan tempatan, Perdana Menteri jelas 'lebih rancak' selepas kematian isterinya.

Dakwaan bahawa menteri Kabinet tidak mempunyai komitmen terhadap usaha Pak Lah memerangi rasuah dan memupuk integriti juga tidak berasas kerana semua program Institut Integriti Malaysia (IIM) mendapat sokongan padu Kabinet.

Baru-baru ini saja, dalam satu taklimat anjuran IIM untuk membentangkan pencapaiannya bagi tempoh satu tahun, menteri, timbalan menteri dan Setiausaha Parlimen menunjukkan minat cukup mendalam terhadap segala inisiatif yang diambil institut itu.

Semua menteri juga menggerakkan dan mengambil bahagian aktif dalam pelbagai program pada peringkat kementerian masing-masing untuk memperbaiki tadbir urus, meningkatkan integriti dan mengekang kegiatan tidak sihat.

Persiapan juga sedang dibuat untuk menyambut Hari Integriti Nasional pada peringkat kementerian dengan program masing-masing berikutan pelancaran sambutan pada peringkat pusat pada 5 November lalu.

Semua menteri terbabit memainkan pe-

ranan utama dalam acara di kementerian masing-masing tanpa banyak publisiti.

Pada peringkat negeri pula, majlis taklimat diadakan bagi meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya mempertahankan integriti dan seriusnya kerajaan dalam memerangi rasuah. Majlis ini dihadiri Menteri Besar, Ketua Menteri serta Exco.

Harus diingat strategi kerajaan dalam memerangi rasuah terbahagi kepada dua pendekatan - menerusi pencegahan dan melalui pendakwaan atau hukuman.

Usaha yang dijalankan sekarang untuk memperbaiki sistem penyampaian sektor awam sebenarnya bertujuan menutup peluang untuk sebarang kegiatan rasuah.

Dari segi pendakwaan dan hukuman pula, satu daripada arahan yang dikeluarkan Perdana Menteri dan disokong oleh semua menteri ketika beliau mengambil alih jawatannya dulu ialah mengarahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjalankan penyiasatan 'tanpa takut atau berat sebelah'.

Angka terbaru yang diperoleh daripada BPR menunjukkan kempen antirasuah telah menunjukkan kesan yang baik setakat ini. Ada peningkatan 17 peratus dalam jumlah aduan yang diterima BPR antara 2003 dan 2004, menunjukkan keyakinan rakyat terhadap usaha memerangi rasuah telah meningkat.

Jumlah tangkapan berkaitan rasuah juga meningkat 47 peratus dengan 497 tangkapan tahun lalu berbanding 339 tangkapan pada 2003. Kes yang dibawa ke mahkamah juga bertambah.

Perlu diingat usaha memupuk integriti dan memerangi rasuah adalah satu proses yang kompleks, memakan masa dan terpaksa menghadapi pelbagai duri serta ranjau yang tajam.

Oleh itu, adalah tidak adil bagi sesiapa mengharapkan hasilnya dapat dikecapi dalam sekelip mata.

Penulis adalah bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah berkhidmat sebagai Ahli Parlimen dan Ketua Umno Bahagian Parit Buntar, E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com